



قاليتا بروني

Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 29 BILANGAN 21

RABU 23 MEI, 1984.

رابعو 22 شعبان 1404

PERCUMA



Y.B. Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd. Rahman ketika mengepalai majlis membangun Bangunan Pusat Penyelidikan Hutan di Sungai Liang.

Menteri Pembangunan lawat Balai Perhutanan

BELAIT. — Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman, Menteri Pembangunan, hari Sabtu lepas telah mengadakan lawatan ke Balai Perhutanan Sungai Liang.

Yang Berhormat disertai oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Awang Haji Salleh bin Haji Hidup telah dialu-alukan oleh Pegawai Daerah Belait Awang Haji Puasa bin Tudin dan Pengarah Perhutanan, yang kemudiannya membawa melawat ke Unit Latihan yang mempamerkan jenis-jenis kayu pembalakan serta kepentingannya.

Sejurus itu para pelawat dibawa ke Bahagian Perhutanan, untuk memperhatikan tugas-tugas yang dilakukan bahagian ini. Di bahagian ini terbahagi kepada beberapa Unit iaitu Unit Operasi Hutan, Unit Penanaman, Unit Silbikalca, dan Unit Perkembangan, di samping memerhatikan benih-benih pokok semaian.

Y.B. juga sempat melihat kawasan hutan komplan 17 terletak di Andulau seluas kira-kira 570 ekar dan seterusnya membuat kunjungan ke sebuah Syarikat Perkilangan Papan Chong Hin yang terdapat di kawasan tersebut.

Terdahulu dari itu dalam satu majlis yang singkat Menteri Pembangunan telah mengepalai "Majlis Membangun" untuk mendirikan tiang pertama bagi Bangunan

Pusat Penyelidikan Hutan dan Kompleks Perumahan Pegawai-pegawai serta Kakitangan Sungai Liang di atas sebuah tapak seluas kira-kira 9.5 ekar.

Sebelum itu Yang Berhormat telah mendengar taklimat-taklimat daripada Pegawai Hutan Daerah Belait dan Pegawai Penanaman dari

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengusaha-pengusaha Syarikat Kilang Papan negara ini diseru meningkatkan mutu perusahaan mereka bagi menambahkan kualiti penghasilan, serta memperluaskan skop pemasaran untuk meningkatkan pendapatan di samping mengelakkan pembaziran belanja.

Ke arah usaha tersebut, perkara seperti peningkatan teknologi, meluaskan pengetahuan pengurusan, menambah tenaga kerja mahir dan mempunyai sumber kewangan mencukupi adalah perkara yang perlu dititik-beratkan untuk menjayakan matlamat tersebut.

Demikian diucapkan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman di Majlis Pembukaan Rasmi Majlis Taklimat Pengurus-

BANDAR SERI BEGAWAN. — Negara Brunei Darussalam turut menyertai negara-negara Islam yang lain menyatakan rasa kesal dan dukacita atas rancangan musuh-musuh Islam menjadikan Al-Qudus atau Baitul Maqdis sebagai bandaraya bagi menempatkan kedutaan-kedutaan asing menggantikan bandarayanya sekarang Tel Aviv.

Rasa kesal dan terharu atas

jabatan tersebut.

Lawatan tersebut adalah bertujuan untuk mengenal pasti perkembangan-perkembangan dan masalah yang terdapat selain daripada merapatkan perhubungan dengan Pegawai-pegawai Kementerian ke arah menjadikan pentadbiran yang efisien.

pengurus Syarikat Kilang Papan, bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah Rabu lalu.

Industri Perkilangan Papan di negara ini jelas Yang Berhormat Menteri adalah sangat beruntung kerana negara ini mempunyai kedudukan ekonomi yang stabil jika dibandingkan dengan keadaan ekonomi beberapa buah negara lain.

"Dalam ertikata yang lain, kehendak kayu dan papan di Negara Brunei Darussalam ini ternampak semakin bertambah kerana pembangunan fizikal yang berjalan dengan lancarnya tanpa sebarang gangguan," ujarnya.

Yang Berhormat berkata keadaan pasaran seperti itu akan dapat mengukuhkan industri perkilangan tanpa gangguan krisis kewangan sebagaimana yang dihadapi oleh industri serupa di lain

tindakan musuh Islam itu telah dilahirkan dalam Khutbah Jumaat Khas yang dibacakan di Masjid Omar Ali Saifuddin di ibu negara pada 18 Mei lepas bersempena Hari Al-Qudus yang jatuh pada hari tersebut.

Keputusan untuk menjadikan hari tersebut sebagai Hari Al-Qudus telah dicapai dalam persidangan Pertubuhan Persidangan Islam Antarabangsa (O.I.C.) yang berlangsung baru-baru ini antara lain "menjadikan hari Jumaat, 18 Mei, 1984 sebagai Hari Al-Qudus, pada mana khutbah-khutbah Jumaat di negara-negara ahli pada hari tersebut menyatakan kecaman mereka terhadap tindakan-tindakan kekerasan dan kekasaran oleh pihak musuh terhadap Baitul Maqdis itu."

"Hal inilah yang ditentang dan bahkan dikutuk oleh Pertubuhan Persidangan Islam Antarabangsa (O.I.C.) yang dipusatkan dalam sidangnya di Fez Morocco pada 20 April,

1984. Dan kita sebagai anggota terbaharu O.I.C. turut bersama-sama menyatakan kesal dan dukacita kita atas rancangan dan langkah menjadikan Bandaraya Suci orang-orang Islam itu sebagai alat politik untuk menyakiti hati orang-orang Islam di sana, dan bahkan juga menyinggung perasaan umat Islam di seluruh dunia," khutbah itu menegaskan.

Dalam khutbah itu juga telah diceritakan sejarah ringkas Baitul Maqdis yang sejak tahun 637 Masihi telah dikuasai oleh orang-orang Islam iaitu dalam zaman Sayidina Omar ibni Al-Khattab Radiallahu anhu. Dalam perang Salib Baitul Maqdis telah menjadi tumpuan pihak-pihak yang bertentangan. Dalam tahun 1099 Masihi tentera Kristian berjaya menawan bandar suci ini. Tetapi dalam tahun 1187 dapat pula ditawan oleh Sultan Salahuddin dari Mesir. Bandar ini kekal ditangan Islam sehingga tahun 1917. Selepas ini ia menjadi

perdebatan yang berterusan oleh pihak antarabangsa, sehingga ia diisytiharkan oleh Israel sebagai Republik Yahudi yang bebas dalam bulan Mei, 1948 dengan sokongan kuasa besar dan menjadikan Baitul Maqdis sebagai ibu kotanya.

Badan pertubuhan dunia, United Nation telah berusaha untuk menghalangnya namun musuh tetap enggan menerima sebarang resolusi yang telah diputuskan oleh badan dunia itu.

Dari gambaran sejarah itu ternyata Bandar Suci Ketiga orang-orang Islam itu adalah kepunyaan orang-orang Islam yang asal. Tetapi orang-orang Islam di sana telah ditindas sehingga mereka menjadi pelarian hidup bertebaran di sana sini terusir dari tanahair mereka sendiri.

Brunei — Papua New Guinea bentuk hubungan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Papua New Guinea, yang telah menyetujui kepentingan dan hasrat bersama dengan ini memutuskan untuk membentuk hubungan diplomatik di peringkat Suruhanjaya Tinggi mulai 1 Mei, 1984.

Kedua buah negara bersetuju untuk mengadakan hubungan diplomatik, persahabatan, dan kerjasama berasaskan hormat menghormati kedaulatan dan keutuhan wilayah, tidak menceroi dan mencampuri hal-ehwal dalam negeri masing-masing, serta bagi faedah dan keamanan bersama.

MANISNYA IMAN

"KEWAJIPAN Rasul hanyalah menyampaikan, dan Allah mengetahui apa yang kamu zahirkan dan apa yang kamu sembunyikan." — Makna ayat 99 Surah Al-Maidah.

PENGILANG PAPAN DISERU TINGKATKAN HASIL

negara. Yang Berhormat selanjutnya menyatakan, semangat kemahiran bekerja dan pengetahuan pengurusan yang dimiliki oleh syarikat-syarikat tempatan seharusnya diusahakan dengan sebaik-baiknya dan tidak diserahkan kepada orang lain, kerana menurutnya elemen tersebut adalah menentukan maju mundur industri perkilangan negara ini.

Untuk mengurangkan pembaziran perbelanjaan hasil, tegas Yang Berhormat, pengusaha kilang perlu mengawal sikap boros serta hendaklah mendisiplinkan diri di samping menggunakan keuntungan untuk meluaskan perusahaan.

"Adalah merbahaya bagi peniaga-peniaga yang baru muncul untuk menggunakan keuntungan bagi mencari keseronokan dan keselesaan hidup lebih daripada yang diperlukan, atau dengan

gopoh gapah membentuk 'style' kehidupan yang mewah tanpa perhitungan yang teliti dan waras," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat menaruh harapan hubungan antara pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan pihak swasta hendaklah diperluaskan bagi mengatasi setiap masalah, serta membuat perbincangan dalam apa jua perkara untuk kebaikan bersama.

Terdahulu dari itu Pengarah Kehutanan, Awang Hj Mahari bin Hj Md Said menyatakan bahawa tujuan taklimat itu dianjurkan bagi memberikan penerangan dan penjelasan yang berhubungan dengan perusahaan mereka termasuk membawa buruh-buruh asing untuk bekerja serta penggunaan pengangkutan perhubungan untuk pelanggan.



23 MEI, 1984

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

MENJELANG RAMADAN KESEMPATAN MENAMBAHKAN IBADAT DAN KEBAJIKAN

LEBIH kurang seminggu lagi kita akan memasuki bulan Ramadan. Maka bulan ini kita akan menunaikan fardu puasa Ramadan sebagaimana biasa.

Dalam bulan Ramadan kita lazimnya akan memperbanyakkan ibadat dan kebajikan selain daripada berpuasa. Sebelah malam kita bersembahyang tarawih dan

betadurus membaca Al-Quran. Keduanya sama ada secara persendirian atau dalam kumpulan jemaah yang kecil atau yang besar. Sebelah siang kita berpuasa sambil meneruskan tugas-tugas biasa dalam pekerjaan masing-masing.

Tentulah suasana akan berlainan dari hari-hari dalam bulan-bulan yang lain. Dari segi Kerajaan, langkah telah diambil mengubah waktu bekerja. Menurut perubahan yang sudah diamalkan semenjak beberapa tahun itu pegawai dan kakitangan Kerajaan yang bergaji bulan akan bekerja mulai jam 8.00 pagi hingga 2.00 petang terus-menerus. Sementara bagi yang bergaji hari pula masa bekerja dikurangkan selama satu jam dari waktu-waktu bekerja biasa. Perubahan ini melibatkan semua pegawai dan kakitangan sama ada yang beragama Islam ataupun tidak. Kesemuanya tidak dibolehkan balik ke rumah pada tengah hari untuk makan dan minum. Dan bagi mereka yang bukan beragama Islam mereka digalakkan untuk membuat persediaan-persediaan sendiri bagi memenuhi keperluan sepanjang tempoh waktu bekerja dalam bulan Ramadan ini.

Tidak syak lagi perubahan waktu bekerja sedemikian itu dibuat bukan sahaja untuk menyesuaikan dengan suasana bulan Ramadan bahkan yang lebih penting lagi ialah ia memperlihatkan sikap kerajaan mengambil berat akan aspek-aspek keagamaan yang sudah menjadi ciri terpenting negara. Bagi kakitangan yang beragama Islam masa bekerja dalam bulan Ramadan itu sepatutnya dipergunakan bagi menambah amal ibadat dan kebajikan lebih dari semata-mata dipergunakan untuk persiapan-persiapan membuka puasa. Sesungguhnya tempoh waktu balik bekerja dua jam setengah lebih awal dari biasa itu sangat berharga dan tidak seharusnya akan dipersia-siakan. Benar pun dalam tempoh tersebut itulah kesempatan untuk menyediakan persiapan bersungkal tetapi kerana bulan Ramadan itu bukan semata-mata menandakan puasa dan sungkal bahkan juga menandakan hari-hari yang berkeberkatan maka sepatutnya kesempatan-kesempatan juga diambil untuk misalnya membaca Al-Quran dan mengadakan pertemuan-pertemuan yang berkebaikan khasnya bagi mendalami ilmu dan fahaman mengenai agama.

Perkara kesempatan untuk pertemuan-

pertemuan bagi mendalami ilmu dan fahaman keagamaan semasa siang hari dalam bulan puasa jika diadakan sudah tentu akan menyemarakkan lagi suasana bulan Ramadan. Perkara sedemikian sebenarnya telah menjadi tradisi di negara-negara Islam di mana umpamanya masjid akan menjadi tumpuan orang ramai bagi menemui alim-ulama yang berada di situ bagi bukan sahaja berdiskusi tetapi juga bagi mengajir ilmu. Kita percaya suasana yang serupa boleh dibentuk di negara kita. Semenjak beberapa tahun sudah dalam bulan Ramadan ramai orang berkumpul di masjid-masjid terutama sekali di ibu negara selepas waktu bekerja. Mereka mulanya menunaikan fardu sembahyang Zuhur dan ada yang menunggu di situ sampai waktu Asar dan bahkan ada yang cuma beredar sehingga hampir waktu berbuka. Tentulah tempoh antara 60 hingga 90 minit mereka berada di masjid itu akan lebih memakmurkan masjid sekiranya ada majlis-majlis keilmuan diadakan.

Sesungguhnya dalam bulan Ramadan kita selalunya berharap akan memperbanyakkan pahala. Mudah-mudahanlah ikhtiar bagi menambahkan pahala itu akan semakin luas.

KEADILAN MENGHENDAKI BALASAN SETIMPAL

ALHAMDULILLAH, Syukur kehadrat Allah Subhanahu Wataala, selawat dan salam kepada Junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w. dan pengikut-pengikut Baginda yang setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat Pengetua Pegawai Hal Ehwal Agama dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Pertandingan Membaca Al-Quran pada tahun ini yang telah sudi menjemput saya untuk bersama hadir dalam majlis yang berkebaikan ini dan memberikan penghormatan kepada saya untuk memberikan ucapan dan seterusnya melakukan pembukaan Rasmi Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Negara pada malam ini.

Bersempena Majlis yang berbahagia ini maka adalah sesuai bagi kita merenung tentang keagungan kitab suci Al-Quran sebagai suatu sumber ilmu pengetahuan dan sumber keadilan yang mengandungi prinsip-prinsip falsafah dan moral serta ajaran-ajaran untuk kehidupan manusia. Al-Quran merupakan satu fenomena tunggal yang telah banyak membuat perubahan yang besar dan berkesan terhadap perkembangan sejarah keagamaan, sosial dan politik dunia.

Dalam tempoh yang begitu singkat, pengaruh-pengaruh Islam telah dapat disebarkan kepada kawasan-kawasan yang jauh melimpasi sempadan sempadan Arab Saudi hingga ke benua Eropah dan akibatnya telah dapat mengwujudkan buat pertama kalinya satu masyarakat yang berdasarkan ideologi. Ianya telah dapat merasakan satu semangat ke arah penyelidikan intelek dan ilmu pengetahuan, yang melambatkan kemuncak perkembangan kebudayaan Islam. Kebudayaan yang dipengaruhi oleh Al-Quran terus meninggalkan kesan dalam perkembangan

'medieval' Eropah dengan menggalakkan kehidupan semula kebudayaan barat yang terkenal dengan nama 'Renaissance' dan seterusnya memberi lahir kepada zaman sains dalam mana kita berada pada ketika ini.

BERPUNCA DARI AL-QURAN

Kesemua perkembangan ini boleh dikatakan berpunca dari ajaran-ajaran dan petunjuk-petunjuk dalam Al-Quran, yang dibawa melalui orang-orang yang mendapat inspirasi dan panduan bagi segala perhubungan 'ethics' ke arah usaha-usaha keduniaan — kerana tidak ada kitab agama selain dari Al-Quran yang dibaca dan dihafaz oleh sebegitu banyak umat manusia.

Dalam bidang keadilan, terdapat ayat-ayat dalam Al-Quran yang bermaksud "Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu berdiri di atas keadilan serta menjadi saksi atas kebenaran kerana Allah, meskipun atas diri kamu sendiri; atau buat ibu bapa dan kaum keluarga kamu, kamu dirikanlah kesaksian kamu itu, dengan tidak memandang kaya atau miskin kerana Allah yang lebih mengetahui tentang muslihat keduanya. Oleh sebab itu janganlah kamu turut hawa nafsu supaya kamu hendaklah berlaku adil."

BALASAN SETIMPAL

Keadilan bukan semata-mata bermakna ianya menghendaki sesuatu hukuman yang tertentu bagi semua kesalahan; dan ianya bukan pula menghadkan ganjaran (yakni reward) pada sesuatu kadar tertentu yang berpatutan dengan perbuatan atau pekerjaan. Keadilan sebenarnya menghendaki bahawa semua orang hendaklah menerima balasan yang setimpal dengan perbuatannya; iaitu hukuman tidaklah patut lebih keras daripada yang munasabah bagi suatu kesalahan; dan ganjaran, bayaran upahan atau ganjaran hendaklah

BERIKUT ialah sabda Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrain bin Pengiran Haji Abbas, Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam dalam majlis pembukaan rasmi pertandingan membaca Al-Quran peringkat negara pada 8 Mei, 1984 bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan, Brunei.

tidak kurang dari yang patut diterima bagi sesuatu pekerjaan atau perbuatan yang menghendaki sebarang ganjaran itu. Konsep ini adalah terkandung dalam Pemasalahan Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam sebagaimana yang telah diisytiharkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam sebagai satu prinsip utama dalam corak pentadbiran Negara ini yang bukan sahaja semata-mata mengaitkan kepada perjalanan undang-undang bahkan kepada keseluruhan corak pemerintahan dalam segala bidang mahupun tugas-tugas yang dijalankan oleh pegawai-pegawai tinggi hingga keserendah-rendah kakitangan Kerajaan. Amalan

yang berasaskan prinsip keadilan — berasaskan kebenaran sebagaimana yang terkandung dalam ayat-ayat Al-Quran itu adalah penting bagi menjaga kemakmuran dan kebahagiaan rakyat serta penduduk dan isi di dalam Negara Brunei Darussalam yang kita cintai ini.

MUTU BACAAN

Mengenai dengan Pertandingan Membaca Al-Quran pada malam yang bahagia ini, maka saya penuh berharap mutu bacaan yang tinggi yang telah jelas ditunjukkan oleh peserta-peserta dari Negara Brunei Darussalam ke pertandingan-pertandingan membaca Al-Quran di peringkat antarabangsa akan terus dapat ditingkatkan lagi dengan terdapatnya Qari dan Qariah



YANG Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrain.

yang mempunyai banyak pengalaman di bidang pertandingan antarabangsa terutama sekali adanya mereka yang telah mendapat kejayaan-kejayaan yang cemerlang dalam pertandingan-pertandingan tersebut.

Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa yang telah bertungkus lumus pada

menjayakan pertandingan ini daripada Peringkat Kawasan membawakan ke peringkat Separuh Akhir dan seterusnya Peringkat Negara.

Dengan mendahulukan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim, maka Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Negara pada tahun ini saya rasmikan.

Sekian wallahil Taufik Wal Hidayah, Wassalamu Alaikum Warahmatullah.

Pasukan Payung Terjun ABDB dapat kejayaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tentera Udara Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah menyertai Perlindungan Terjun Payung Terbuka Thailand yang diadakan

dalam bulan lalu.

Rombongan seramai 11 orang yang diketuai oleh Mejar Karim bin Safar itu mengambil bahagian dalam tiga acara yang dipertan-

dingkan iaitu acara ketepatan perseorangan, acara kerjasama berpasukan dan acara ketepatan berpasukan.

Pasukan ABDB telah ber-

jaya mendapat tempat pertama dalam acara kerjasama berpasukan. Sebanyak 15 buah pasukan mengambil bahagian dalam acara ini.

Dalam acara ketepatan perseorangan, enam orang peserta dari ABDB berjaya mendapat tempat seperti berikut: —

PW1 Matlimin bin Momin tempat ke-22, S/Sgt. Panjang bin Haji Musa - 25, S/Sgt. Adli bin Mohd. Yusof - 27, Cpl. Jaming bin Abad - 28, Sgt. Mintir bin Haji Duraman - 39 dan WO2 Agan bin Haji Suldi - 47.

Seramai 78 orang peserta mengambil bahagian dalam acara ini.

Dalam acara ketepatan berpasukan yang juga disertai oleh 15 buah pasukan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah mendapat tempat ke-8.



PASUKAN payung terjun ABDB yang diketuai oleh Mejar Karim yang telah menyertai perlindungan payung terjun terbuka Thailand.



Duta Amerika mulakan tugas

TUAN Yang Terutama bakal Duta Amerika Syarikat ke Negara Brunei Darussalam, Awang Barrington King beserta isterinya Puan Sarah T. King (gambar atas) tiba di sini pada 10 Mei yang lalu untuk memulakan tugasnya.

Perlantikan Awang King telah diumumkan oleh Presiden Reagan dalam bulan Mac yang lalu.

Tuan Yang Terutama Awang Barrington King pernah bertugas sebagai Timbalan Ketua Perwakilan Kedutaan Amerika Syarikat di Islamabad, Pakistan dari tahun 1979 hingga 1983.

Sebelum itu, beliau bertugas sebagai Timbalan Ketua Perwakilan Kedutaan Amerika Syarikat di Tunisia dari tahun 1975 hingga 1979 dan memegang beberapa jawatan di kedutaan Amerika Syarikat di Egypt, Tanzania, Cyprus dan Greece.

Pejabat perwakilan Amerika Syarikat di negara ini mula ditubuhkan pada bulan Disember 1983.

Projek amal derma \$12,000.00

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussein telah menerima sekeping cek bernilai \$12,000.00 yang didermakan oleh Bank Kebangsaan Brunei. Yang Berhormat menerima cek yang disampaikan oleh Pengurus Kanan bank tersebut, Awang Azlan Robert Teo bagi pihak Jabatan Kebajikan, Pertubuhan Perkumpulan Perempuan dan Kelab Lion yang masing-masing menderma \$4,000.00.

Wang tersebut adalah sebahagian dari hasil jualan

amal buah-buahan tahunan yang diadakan di Pusat Belia pada 13 Mei yang lalu.

Pesta amal jualan buah-buahan itu dianjurkan oleh Bank Kebangsaan Brunei dengan kerjasama Kedutaan Diraja Thailand dan Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan.

Kira-kira lapan tan buah-buahan dibawa dari Negeri Thailand, seperti durian, mangga, ciku, limau, rambut lychee dan pisang telah dijual di pesta tersebut.

Datin Masni binte Haji Ali, isteri Y.B. Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan, telah merasmikan pesta tersebut.

PENASIHAT REPUBLIK KOREA ADAKAN LAWATAN TIGA HARI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Serombongan empat orang ahli Majlis Penasihat Hal-Ehwal Negara Republik Korea baru-baru ini telah mengadakan lawatan muhibah selama tiga hari ke negara ini dan tiba pada malam Hari Khamis lepas.

Mereka terdiri dari Awang Park Choong Hoon; Awang Min Bok Kee; Awang Yu Tal Young dan Awang Kong Won Young.

Semasa berada di negara ini rombongan itu telah melakukan kunjungan muhibah kepada Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman bin

Dato Setia Awang Haji Mohd. Taib di pejabat Yang Berhormat di Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas.

Setelah itu mereka kemudiannya melawat ke Korean Shipbuilding And Engineering Corporation yang terletak berhampiran dengan

Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas.

Semasa di sana, rombongan itu telah menerima taklimat dari Awang Kim Hyang Tae, Pengarah perbadanan itu dan seterusnya diiringi melawat sekitar kawasan ibu pejabat perbadanan tersebut.

Sementara itu di sebelah petangnya mereka telah juga melakukan lawatan ke ibu pejabat Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad di Seria.

Rombongan itu bertolak meninggalkan negara ini pada tengah hari Jumaat lepas.



AHLI-AHLI Majlis Penasihat Hal-Ehwal Negara Republik Korea ketika mengadakan kunjungan muhibah kepada Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman.

Kursus cegah kebakaran di Kehakiman

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai 36 orang pegawai dan kakitangan Jabatan Kehakiman, Kementerian Undang-Undang pada petang hari Rabu lepas telah mengikuti kursus asas, mencegah kebakaran yang dikendalikan oleh pegawai-pegawai bomba dari Balai Bomba di sini bertempat di bangunan jabatan tersebut.

Peserta-peserta yang diketuai oleh Dato Paduka Haji Ali bin Salleh, Ketua Pendaftar Mahkamah Tinggi telah diperlihatkan filem-filem 'slide' dan dua buah filem dokumentari mengenai dengan cara-cara mencegah dan mengawal kebakaran serta diberikan juga taklimat ringkas oleh Pemangku Penolong Penguasa Balai Bomba Awang Mohd Salleh bin Nayan.

Setelah itu mereka juga dipertunjukkan cara-cara menggunakan peralatan mencegah kebakaran oleh Pemangku Penguasa Balai, Awang Hidup bin Nayan dan diberi kesempatan menggunakannya.

Semasa kursus itu berjalan, peserta-peserta juga diberikan peluang mengemukakan pertanyaan.

Pegawai Bomba hadiri sidang di U.K.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang pegawai dari Jabatan Bomba kini berada di United Kingdom untuk menghadiri International Fire Conference and Exhibition 1984.

Mereka ialah Timbalan Pengawal Pasukan Bomba, Awang Haji Wahabi bin Haji Metussin dan Pg Omarali bin Pg Haji Idris, Pegawai Pencegah Kebakaran Kanan.

Persidangan selama lima hari itu berlangsung di National Exhibition Centre, Birmingham dan akan berakhir pada hari Jumaat 25 Mei.

Sementara itu kira-kira 100 orang anggota Bomba dari Balai Bomba Seria, Kuala Belait dan Tutong yang diketuai oleh Penguasa Kanan dari 'B' Comand, Awang Haji

Mohd Hussain bin Haji Hassan, telah melakukan kerja memucang-mucang membersihkan kubur orang-orang Islam di Kampung Danau pada hari Ahad lepas.

Forum Syair Rakis

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei akan mengadakan satu Majlis Forum Syair Rakis pada hari Sabtu pada hari Sabtu 26 Mei mulai jam 7.30 malam di Bilik Kuliah jabatan berkenaan.

Forum ini dianjurkan oleh Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera dan dibuka kepada orang ramai untuk mengahdirinya.

Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 23 Mei hingga 31 Mei 1984

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Melayu Limau Manis	23.5.1984	Rabu	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Melayu Pengkal Batu	23.5.1984	Rabu	9.45-10.45 "
Sekolah Melayu Masin	23.5.1984	Rabu	11.00-12.00 T/Hari
Sekolah Melayu Jerudong	26.5.1984	Sabtu	8.30- 9.30 pagi
Pusat Tahanan Jerudong	26.5.1984	Sabtu	9.45-10.45 "
Sekolah Melayu Sengkurong	26.5.1984	Sabtu	11.00-12.00 T/Hari
Sekolah Agama Sengkurong	26.5.1984	Sabtu	2.30- 3.00 petang
Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti Kilanas	26.5.1984	Sabtu	3.15- 4.15 "
Sekolah Melayu Bendahara Sakam Bunut	26.5.1984	Sabtu	4.30- 5.30 "
Di hadapan Rumah Penghulu Mukim Serasa	27.5.1984	Ahad	9.00-10.00 pagi
Kawasan Rumah Ketua Kampong Masjid Lama, Muara	27.5.1984	Ahad	10.15-11.15 "
Di hadapan Kedai Pekan Muara	27.5.1984	Ahad	11.30-12.00 T/Hari
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Rendah)	28.5.1984	Isnin	2.00- 3.00 petang
Sekolah Agama Kampong Perpindahan Berakas,	28.5.1984	Isnin	3.30- 4.30 "
Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok	29.5.1984	Selasa	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Melayu Datu Mahawangsa, Lambak	29.5.1984	Selasa	10.30-11.30 "
*Sekolah Melayu Serasa	30.5.1984	Rabu	10.00-10.30 pagi
*Sekolah Melayu Mentiri	30.5.1984	Rabu	10.45-11.15 "
*Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar	30.5.1984	Rabu	11.30-12.00 T/Hari
*Sekolah Melayu Lumut dan Sekolah Melayu Sungai Liang	31.5.1984	Khamis	10.00-11.00 pagi
*Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanah Bolkiyah	31.5.1984	Khamis	2.30- 3.30 petang

* Cuti Persekolahan bulan Ramadan. Iaitu 30 Mei 1984 hingga 6 Julai 1984. Perkhidmatan Perpustakaan bergerak ditiadakan.



GAMBAR atas kelihatan Datin Masni menyaksikan buah-buahan yang telah dijual di pesta itu, setelah merasmikannya.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS....Siri ke-227

MASJID WAKAF JADI SEKOLAH

BERHUBUNG dengan masalah menjadikan Masjid waqaf dari orang ramai yang telah ditinggalkan iaitu tidak digunakan lagi kerana sudah terdapat Masjid yang dibina oleh Kerajaan bagi menggantikan sebagai sekolah agama sementara berikut diperturunkan pendapat Shikh Al-Islam Zakaria Al-Ansharey dalam Syarhur Raudh:

"Jika tergendala masjid dengan sebab tergendala negeri tempat masjid itu

atau roboh binasa negeri itu, maka tiada boleh dirobuhkan masjid itu dan tiadalah batal wakaf masjid itu, dan tiadalah sekali-kali masjid itu kembali jadi milik orang, kerana boleh orang sembahyang di dalamnya, dan boleh masjid itu kembali sebagaimana keadaannya dahulu."

Dari nas ibarat

Syarhur Raudh itu, maka masjid lama yang telah dikosongkan oleh jemaah masjid itu, maka masjid lama itu tetap jadi masjid selam-lamanya, kerana orang boleh iktikaf dan boleh sembahyang padanya pada bila-bila masa.

Maka menaruh bangku dan meja dan lain-lain seumpamanya

itu menyempitkan ruangan masjid itu dengan barang bukan dari muslihat dan faedah masjid adalah ditegah.

Adapun menggunakan masjid bagi kanak-kanak belajar agama di dalam masjid itu adalah harus bahkan sunat diimarahkan atau meramaikan masjid dengan ilmu pengetahuan Islam, kerana

masjid dibina dan dibangunkan kerana beribadat, sembahyang dan zikir Allah Taala dan baca Quran padanya, bagaimana sabda Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam dalam suatu hadis sebagaimana yang disebutkan oleh Syarhur Muhazzab. Berkata Al-Imam An-Nawawi:

"Sunat diadakan majlis-



majlis ilmu agama di dalam masjid, dan nasihat-nasihat dan syarahan agama, dan seumpamanya dalam masjid kerana ada banyak hadis menyuruh berbuat begitu."

WALLAHUAKLAM



Datin Seri Dr. Siti Hasmah sedang meneliti hasil kerjatangan orang-orang Brunei termasuklah kuih-muih asli yang dipamerkan dalam perkumpulan tersebut.

WANITA ASEAN MEMBANGGAKAN

PERKUMPULAN Wanita ASEAN di Kuala Lumpur (ASEAN Ladies Circle of Kuala Lumpur) pada 21 April lalu telah mengadakan majlis perjumpaan untuk kutipan derma di INTAN (Institut Tadbiran Awam) di sini.

Datin Seri Dr. Siti

Hasmah, isteri Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia selaku tetamu kehormat dalam ucapannya menyifatkan peranan wanita di negara-negara ASEAN adalah membanggakan daripada wanita-wanita di bahagian lain dunia.

Katanya, peranan yang dimainkan oleh kaum wanita di rantau ini dapat memberikan kebaikan dan kebajikan terutama dari segi kesihatan, pelajaran dan kedudukan ekonomi.

Selain dari mempersembahkan tarian-tarian kebudayaan, pameran dan jualan kraftangan, perkumpulan itu telah juga berhasil mengutip derma untuk tabung kebajikan bagi didermakan kepada Persatuan PURELIFE dan PEMADAM.

Perwakilan dari Negara Brunei Darussalam yang diketuai oleh isteri Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam, Dayang Halimah Aston yang terdiri dari enam orang ahli telah juga menyumbangkan tenaga di perjumpaan itu.

Mereka telah mempersembahkan Tarian Adai Adai yang ditarikan oleh penuntut-penuntut Negara Brunei Darussalam yang kini menuntut di Universiti Kebangsaan Malaysia dan Koir lagu Alus Jua Dendang.

Selain itu hasil kraftangan Negara Brunei Darussalam juga dipamerkan di samping memperkenalkan berbagai jenis kuih-muih asli yang mendapat sambutan.

Perkumpulan Wanita ASEAN di Kuala Lumpur ini telah lama ditubuhkan oleh Malaysia selaku tuan rumah tetapi pelaksanaannya hanya dapat dilancarkan dalam tahun 1982.

Tujuan asas penubuhannya adalah bagi mempereratkan dan merapatkan hubungan di kalangan kaum wanita dari rantau ASEAN terutama dari segi memupuk semangat kerjasama dan menyatukan perpaduan ASEAN dari segi kebudayaan, pelajaran, pertukangan tangan dan sebagainya.

persatuan pelukis Mesyuarat agung

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Pelukis Brunei akan mengadakan mesyuarat agungnya kali yang ke-6 pada hari Jumaat 25 Mei, 1984 jam 2.00 petang bertempat di Bilik Per-

sidangan Bangunan Peringatan Churchill.

Mesyuarat tersebut akan dibuka rasmi oleh Pegawai Daerah Brunei-Muara, Awang Haji Mohammad bin Haji Serudin.

SASTERA: MASIH BANYAK RUANG

KOSONG

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Asterawani telah lama wujud dengan matlamat tertentu khusus untuk membina dan mengembangkan bidang kesasteraan. Setakat ini berbagai-bagai usaha telah dibuat untuk meningkatkan seni sastra di negara ini oleh pihak Asterawani tetapi masih banyak lagi ruang-ruang kosong belum terisi oleh Persatuan ini khususnya dalam menyebarkan karya-karya sastra penulis-penulis tanah air secara total dan berkesan.

Menurut Pemangku Pengarah Radio Televisyen Brunei, Pengiran Badaruddin bin Pg Ghani yang juga selaku Penasihat Persatuan Asterawani mendapati Asterawani lebih banyak menanti dan menunggu, dan terlalu sedikit usaha-usaha positif untuk mempopularkan karya-karya sastra tempatan melalui media cetak dan media massa.

Jelasnya, kelemahan ini bukanlah bererti suatu kegagalan kepada Asterawani dan kepincangan ini tidak

pula bersebabkan dari kurang cekapnya kepimpinan persatuan tetapi berkemungkinan masa dan keadaan lebih banyak mempengaruhi tindak tanduk Persatuan Asterawani.

Beliau menyatakan demikian ketika merasmikan Meyuarat Agung Asterawani bagi tahun 1984 di Bilik Kuliah Dewan Bahasa dan Pustaka di sini pada hari Ahad 6 Mei lepas.

Memandangkan kepada situasi politik negara kita yang telah kembali memainkan peranan pentingnya di peringkat perhubungan antara-bangsa sebagai sebuah negara yang penuh berdaulat lagi merdeka, beliau meminta, kepada kepimpinan Asterawani supaya mengambil langkah ke muka bagi sama-sama memainkan peranan aktif dalam perhubungan antarabangsa dengan mengadakan lebih banyak seminar, simposium, bengkel atau pertemuan-pertemuan sastra di negara ini dengan para penulis dan sasterawan dari negara-negara Asean atau negara-negara yang ber-

minat penuh di bidang sastra Melayu khususnya di rantau ini.

Di sudut lain beliau melihat adanya kelembapan usaha Asterawani bagi cuba memaparkan karya-karya sastra secara serius melalui media cetak dan media massa di negara ini.

Dalam hubungan ini, Pemangku Pengarah Radio Televisyen itu merasa yakin, bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei pasti berkesanggupan menolong bantu Asterawani dalam memberikan kemudahan-kemudahan tempat beraktiviti seperti mengadakan sudut sastra dan lain-lain.

Beliau mencadangkan agar di bidang media massa Asterawani akan dapat memberikan kerjasama penuh dalam mengungkapkannya novel-novel atau cerpen tempatan untuk dijadikan skrip drama radio atau televisyen yang menarik yang mana dengan cara yang demikian audiencenya akan lebih ramai dan daerah penyebarannya akan lebih luas.



PENGIRAN Badaruddin bin pg. Ghani, Pemangku Pengarah Radio dan Televisyen.

Tambahnya, Asterawani juga pasti akan dapat mengungkapkannya berbagai-bagai projek dengan pihak Radio Televisyen Brunei di bidang sastra dengan mengadakan nyanyian sastra atau kuliah sastra bagi menarik peminat-peminat sastra mencintai bidang kesasteraan dan secara tidak langsung membuka dan memaparkan karya-karya sastra tanahair dengan lebih menarik lagi berkesan.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 23 Mei, 1984 hingga ke hari Selasa 29 Mei, 1984 adalah seperti di bawah ini:—

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
23-25	12.23	3.40	3.41	6.32	6.33	7.44	7.45	4.50	4.37	4.51	6.04	6.05
26-29	12.23	3.41	3.42	6.33	6.34	7.45	7.46	4.50	4.36	4.51	6.05	6.06


Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

Anak bulan Ramadan dilihat 30 Mei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pegawai-pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Agama dengan kerjasama pegawai-pegawai Jabatan Ukur akan pergi ke tiga buah tempat di negara ini pada petang hari Rabu 30 Mei untuk melihat anak bulan Ramadan bagi menentukan bermulanya puasa tahun ini.

Mereka akan melakukan penglihatan anak bulan Ramadan itu di Bukit Shahbandar, Kampong Jerudong, Bukit Ambok di Daerah Tutong dan Bukit Lumut (berseberangan dengan LNG) di Daerah Belait.

Jika anak bulan Ramadan nampak pada petang itu, umat Islam di seluruh negara akan memulakan puasa bagi tahun Hijrah 1404 pada hari Khamis 31 Mei, dan jika tidak nampak, permulaan puasa akan jatuh pada hari Jumaat 1 Jun.



KELEBIHAN HARI JUMAAT

"Penghulu segala hari itu ialah Hari Jumaat, paling besar di sisi Allah, dan bahkan lebih besar dari Hari Raya Fitrah dan Hari Raya Haji, terdapat di dalamnya lima perkara: Dijadikan Nabi Adam, begitu juga dia diturunkan dan diwafatkan. Dan di dalam hari itu juga ada suatu ketika tidak memohon seseorang hamba melainkan diperkenankan oleh Allah akan permohonannya itu selain dia tidak memohon yang haram. Pada hari Jumaat juga terdiri atau terjadi Hari Kiamat. Tidak ada Malaikat, langit, bumi, angin, gunung dan lautan melainkan semuanya kasih kepada Hari Jumaat."

Berkenaan dengan kehadiran kita orang-orang Islam ke masjid pada Hari Jumaat, ada hadis menerangkan seperti berikut, maksudnya:

MANDI JUMAAT

"Barangsiapa mandi Hari Jumaat seperti mandi junub, kemudian pergi ke masjid pada saat yang pertama seumpama ia

telah bersedekah dengan seekor unta. Barangsiapa yang pergi pada waktu yang kedua seumpama ia telah bersedekah dengan seekor lembu. Barangsiapa pergi pada waktu yang ketiga seumpama ia telah bersedekah dengan seekor kambing kibas yang mempunyai dua tanduk. Barangsiapa pergi pada saat yang keempat seumpama ia telah bersedekah dengan sebiji telur dan apakala hadir imam (naik membaca khutbah) malaikat akan hadir mendengar zikir."

Kemudian di sana ada pula perkara-perkara yang sangat bagus atau sunat dibuat seperti hadis nabi Salallahu Alaihi Wassalam maksudnya:

"Tidak mandi seseorang pada Hari Jumaat dan membersihkan dirinya seberapa yang terdaya, dan meminyaki rambutnya atau memakai bau-bauan dari rumahnya kemudian ia pergi ke masjid dan kemudian sembahyang, sedang ia mendengar dan diam ketika imam atau khatib membaca khutbah

melainkan diampunkan oleh Allah dosanya antara hari itu kepada suatu Jumaat yang lain."

BANYAKKAN SALAWAT

Disunatkan juga pada hari tersebut kita orang-orang Islam membanyakkan membaca salawat ke atas Junjungan besar kita Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wassalam sebagaimana sabda Baginda maksudnya:

"Banyakkanlah oleh kamu membaca salawat ke atasku pada hari Jumaat dan malam Jumaat."

Demikian di antara lain tentang kelebihan-kelebihan Hari Jumaat itu di sisi Allah Subhanahu Wataala, kerana itu pulalah Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam di dalam beberapa hadisnya telah mengingatkan kepada umat Islam supaya jangan sekali-kali 'miss' ke masjid pada hari itu kerana menunaikan Fardu Jumaat kecualilah bagi orang-orang yang uzur yang dibenarkan oleh syarak. Sabda Nabi Salallahu Alaihi Wassalam, maksud-

nya:

"Barangsiapa yang meninggalkan tiga kali Jumaat kerana dengan senghaja meringankan, dicap oleh Allah atas hatinya." (Jadilah hatinya tidak ingat kepada Allah).

DIMURKAI ALLAH

Demikian akibat tidak menunaikan Fardu Jumaat dengan tiada uzur syarie itu dimurkai oleh Allah seperti dengan senghaja tidak mahu pergi kerana malas atau kerana sibuk dengan urusan-urusan pekerjaan lain yang harus seperti berniaga dan lain-lainnya. Maka oleh kerana itu marilah kita sama-sama mengingat Hari Jumaat itu, hari yang mulia dan penuh berkat dengan pergi beramai-ramai ke masjid menunaikan Fardu Jumaat itu selama kita sihat tiada uzur yang dibolehkan oleh syarak. Mudah-mudahan dengan melazimkan dan mewajibkan diri berbuat demikian itu kita akan beroleh keberkatan dan keredaan Allah yang menjadi cita-cita semua orang Islam yang sadar dan insaf.

MARILAH kita sama-sama bertakwa kepada Allah dengan sebenar-benar takwa dan ketahuilah bahawa Allah telah mengurniakan kelebihan-kelebihan tertentu kepada setengah-setengah hamba-Nya begitu juga kelebihan-kelebihan itu diberikan pada yang lain-lain, kepada bulan-bulan tertentu dan hari-hari tertentu supaya umat Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wassalam beroleh kelebihan di dalam amalan dan ketaatan mereka.

Di antara yang sangat elok disebut di sini ialah berhubung dengan kelebihan "Hari Jumaat". Allah telah menentukan baginya dengan banyak kelebihan yang tiada terdapat pada hari-hari yang lain sebagaimana hadis riwayat Abu Hurairah Radhiallahu Anhu lebih kurang maksudnya:

DIJADIKAN ADAM

"Sebaik-baik hari yang

terbit padanya matahari ialah Hari Jumaat, di dalamnya dijadikan Adam Alaihissalam, juga di dalamnya dimasukkan dia ke dalam syurga, dan juga di dalamnya dikeluarkan dia dari syurga. Tidak berlaku Hari Kiamat melainkan pada Hari Jumaat."

Sebuah hadis lain pula ada menyebutkan lebih kurang maksudnya:

Suatu kisah: LELAKI SERBA PUTIH BERJUMPA NABI

DALAM ruangan Menuju Keredaan Allah pada kali ini, marilah kita mengikut suatu kisah daripada hadis Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh Muslim demikian bunyinya dalam bahasa Melayu:—

Dari cerita Sayidina Omar radiallahu anhu. "Pada suatu hari sedang Rasulullah duduk di sisi kami, tiba-tiba tampillah seorang hamba Allah lelaki memakai serba putih bersih, janggut dan rambutnya hitam berkilat bersih dan kemas. Tidaklah ada tanda-tanda bahawa hamba Allah itu dalam pengembaraan, malah tidak seorang pun daripada kami mengetahui dan

mengenalnya. Beliau lalu duduk di sisi Nabi Salallahu Alaihi Wassalam dengan menyandarkan kedua lututnya kepada kedua lutut Nabi Salallahu Alaihi Wassalam dan meletakkan kedua tapak tangannya ke atas kedua paha Nabi seolah-olah dua sahabat yang sudah lama berkenalan dan bermesra.

Hamba Allah itu berkata kepada Nabi Salallahu Alaihi Wassalam, "Wahai Muhammad beritahu kepada aku darihal Islam? Muhammad Salallahu Alaihi Wassalam menjawab: Islam itu ialah engkau mengaku bahawa tiada Tuhan melainkan Allah, dan Muhammad itu

Menuju keredaan Allah

pesuruh Allah, engkau tunaikan sembahyang, engkau keluar zakat, engkau berpuasa bulan Ramadan engkau menunaikan fardhu Haji jika pun engkau berkuasa ke Baitullah itu. Maka jawabnya: Benarlah engkau Muhammad Sayidina Omar dan sahabat-sahabat tercengang-cengang dan hairan kerana dia bertanya kemudian ia juga membenarkannya

jawaban Nabi itu."

Kemudian hamba Allah itu bertanya lagi kepada nabi s.a.w.: "Dapatkah tuan hamba khabarkan kepada aku darihal Iman?" Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam menjawab demikian bunyinya: "Iman itu bahawa engkau percaya kepada Allah, kepada Malaikat, kepada Kitab Allah, kepada para Rasulullah, kepada hari kiamat dan percaya kepada takdir baik dan jahat." Maka jawab hamba Allah itu: "Benarlah engkau Rasulullah." Kemudian ia bertanya lagi kepada Rasulullah, Apakah itu Ihsan?" Jawab Rasulullah: "Ihsan itu ialah jika engkau menyembahkan Allah seolah-olah engkau dapat

melihat Allah. Jika tiada engkau dapat melihatnya maka sesungguhnya Allah melihat engkau."

Akhirnya orang itu meneruskan pertanyaannya lagi: "Khabarkanlah kepadaku bila hari kiamat?" Rasulullah menjawab: "Orang yang bertanya itu lebih halim (tahu) daripada hamba yang ditanya — kalau begitu baiklah, khabarkan sahaja kepada aku akan tanda-tanda hari kiamat itu?" Menjawab Rasulullah: "Di antara tanda-tandanya ialah: Jika berlaku hamba orang telah melahirkan tuannya, orang-orang tidak berpakai, orang-orang miskin dan pengembara kambing menjadi bangga dan bongkak ser-

ta berjaya membina bangunan yang mencakar langit."

Setelah itu hamba Allah itu pun berlalu dari situ serta menghilangkan dari pandangan sahabat-sahabat itu. Tambah Sayidina Omar — Aku pun terdiam beberapa ketika — Rasulullah bersabda: "Hai Omar! Adakah tuan tahu siapakah orang yang bertanya kepada aku itu?" Maka jawab Sayidina Omar, "Sesungguhnya Allah dan Rasul-Nya sahaja yang lebih tahu. Rasulullah bersabda lagi: "Sesungguhnya itulah dia Malaikat Jibril yang senghaja datang menjelma menjadi seorang lelaki untuk mengajarkan kepada kamu akan ugama kamu (ugama Islam)."

Lagi gadis Dusun memeluk Islam

SEORANG lagi gadis Dusun dari Kampong Bukit Sawat, Ulu Belait memeluk ugama Islam di satu majlis meriah yang berlangsung di rumah Awang Lumpoh bin Selamat, Ketua Kampung tersebut.

Dayang Latifah binte Lumpoh, 22 tahun, telah melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Ustazah Dayang Hajjah Azizah

binte Nawi, Guru Ugama Tingkatan Khas dan kini beliau dikenali sebagai Dayang Latifah binte Abdullah.

Turut hadir di majlis tersebut termasuklah Kadi Daerah Belait Awang Haji Salim bin Haji Besar, pegawai-pegawai dari Bahagian Dakwah dan Tabligh, pegawai dari Pejabat Daerah Belait dan penduduk sekitarnya.



DAYANG latifah semasa melafazkan ikrar.....terpikat dengan cara hidup Islam.

Perpustakaan Bergerak dihentikan

ADALAH dimaklumkan kepada semua ahli dan pembaca Perpustakaan Bergerak, sepanjang cuti persekolahan bulan Ramadan, Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei dihentikan buat sementara waktu. Perkhidmatan akan dibuka semula sebaik-baik sahaja sekolah dimulakan.

SHELL BRUNEI PANDANG BERAT BAHAYA PENCEMARAN

PENCEMARAN minyak, salah satu ancaman kepada alam sekitar sentiasa dipandang berat oleh Shell Brunei.

Keutamaan bagi menghindarkannya dianggap penting di operasi-operasi luar pantai dan rasa kesedaran ke arah ini menyumbangkan satu rekod paling baik yang telah dicapai oleh syarikat di kawasan sebelah sini.

Ketumpahan minyak yang nyata penting berlaku pada tahun 1974 apabila berlakunya 'Blowout' Champion.

Potensi berlakunya sesuatu kemalangan seperti itu sentiasa wujud terutamanya apabila mengadakan kerja pemuatan sebuah tenker di pelampung tunggal atau di padang-padang penghisapan

dan sebagai langkah memerangi ancaman ini, Jabatan Merin telah ditugaskan memelihara serta mempromosikan serta menggunakan peralatan kombat pencemaran luar pantai.

Sebagaimana dasar Shell Brunei dan pengambilan beratnya terhadap alam sekitar, peralatan tadi dan peraturan-peraturan pembersihan sentiasa diteruskan peningkatannya apakala sahaja teknologi serta kaedah-kaedah baru diperkenalkan.

Shell Brunei juga mempunyai tongkang pencemaran diubah suai khusus T21 dengan Skimmer Vikomo. Apabila digunakan dengan pengumpulan boom, skimmer tadi berupaya membersihkan 70 tan minyak setiap sejam dari permukaan air. Tongkang ini mempunyai kepisiti 200 tan bagi pengumpulan minyak yang kemudiannya dipam ke darat.

Selain dari sistem tadi, Shell Brunei juga mempunyai sebuah boom dan sistem skimmer yang boleh digunakan dari sebuah kebuk perbekalan dan ianya berupaya membersihkan 40 tan minyak setiap sejam dari laut.

Pelbagai sistem-sistem pembuangan secara penyemburan dengan banyaknya menggunakan alat sembur buang Shell tanpa tokik dilangsungkan bersedia bagi menghadapi mana-mana kemalangan.

Andainya berlaku sesuatu ketumpahan minyak, Pengawal Kejadian Minyak Tumpah akan menggunakan pelbagai peralatan bergantung ke atas jenis ketumpahan, besar kecil kejadian serta tempatnya berlaku. Ini diawasi dari Pusat Kawalan Darurat.



SES perolehi kemajuan

SES telah memperolehi kemajuan ke tahun 1990an dengan pembelian dua buah pusat CNC yang ditempatkan di SES/23 jelas Mike Basubas, ketua bahagian Bengkel Jentera dan Mematri di Setia baru-baru ini.

CNC adalah merupakan mesin pembuat bunga besi yang dikawal oleh komputer berdaftar. Salah satu daripadanya ialah M-5 yang digunakan terutamanya untuk membuat bunga paip penggudi dan tubing manakala M-4 yang kecil sedikit digunakan untuk

kerja-kerja jentera umum.

Basubas memberitahu yang wujudnya mesin tersebut akan dapat menambahkan lagi hasil pengeluaran dan pengetahuan para pekerja di situ. Mesin-mesin tersebut dibuat di Jepun.

Sebelum pembelannya, kerja-kerja di situ terpaksa dibuat dengan mesin-mesin biasa dan latihan-latihan kini sedang diberikan kepada pekerja-pekerja di situ mengenai dengan penggunaan mesin-mesin baru tersebut.



AWANG Rahim Zakaria mencuba peralatan tersebut dengan diperhatikan oleh rakan-rakannya.

PROJEK JANAKUASA BERJALAN LANCAR

BERIKUTAN dengan berjayanya pengangkutan darat bagi muatan-muatan peralatan janakuasa tambahan BSP, kerja-kerja bagi projek stesen tersebut telah menampilkan hasilnya. Keempat-empat bungkusan peralatan tersebut kini telah ditempatkan pada kedudukannya dan kerja-kerja menyesuaikan peralatan utama dan memasang peralatan yang kecil kini giat dijalankan.

Dandangkuasa elektrik yang menggunakan kuasa turbin itu selalunya digerakkan oleh gas tetapi ianya juga mempunyai kuasa yang menerima bekalan disel seandainya terdapat kerosakan terhadap pembekalan gas.

Sebuah pemborong tempatan, Mechnico kini sedang melaksanakan kerja-kerja penyambungan paip. Jentera turbin gas yang utama kini sudahpun ditempatkan pada kedudukannya tetapi banyak lagi kerja-kerja yang harus dijalankan sebelum ianya dapat dijalankan secara penuh. Jenteranya sendiri ialah sama dengan yang digunakan bagi Pesawat Boeing 747 dan beratnya ialah kira-kira 4 tan.

Kerja-kerja pembinaan kini sedang menuju ke arah kemuncaknya dengan enam buah pemborong yang terlibat bagi beberapa kerja yang diperlukan yang mana termasuk pemborong utama GEC Gas Turbines. Pelaksanaan kontrak adalah di bawah Penyeliaan EPS dengan kerjasama SES.

Unit-unit di situ dapat dikawal daripada sebuah kabin kawalan yang wujud di kawasan tersebut tetapi bagi operasi hariannya, segala jentera akan dikawal daripada loji janakuasa tersebut dapat membekalkan 16mw kuasa elektrik.

Rekod keselamatan mereka di dalam tahun 1982 tidaklah sebegitu cemerlang. Terdapat dua kejadian kehilangan masa ketika berkerja di dalamnya yang telah menyebabkan kehilangan masa selama 15 hari dan 18 kejadian pertolongan cemas.

"Kita setentunya perlu diberikan galakan dan ingatan yang selalu saya berikan kepada rakan-rakan kita di Mendu ialah "..... anggaplah diri anda sebagai pegawai keselamatan" tambah Wilkinson lagi.



KAKITANGAN kepada kren Mendu kelihatan gembira sambil memegang hadiah yang mereka terima kerana mencapai rekod keselamatan cemerlang.

CAPAI REKOD KESELAMATAN CEMERLANG

KAKITANGAN kapal kren Mendu telah bersatu tenaga dan berjaya mencapai rekod keselamatan yang baik di dalam tahun 1983.

Mereka telah menjalankan


tugas tanpa mengalami kehilangan masa di dalam berkerja dan pencapaian itu telah diraikan di dalam satu majlis penyampaian anugerah keselamatan yang telah disempurnakan oleh Brian Wilkinson, Penguasa Tongkang Kanan pada hari Selasa, 1 Mei. Penganugerahan itu telah diterima oleh Penguasapenguasa Tongkang, Jawi Buma dan Ng Ah Lek bagi mewakili rakan-akan kerja mereka.

"Penganugerahan tersebut bagi mengakui yang Mendu telah mengalami satu tahun yang baik dan dalam masa yang sama bagi memberikan ganjaran kepada pekerja-pekerja di atas usaha

mereka," jelas Wilkinson.

Mendu yang telah digunakan oleh Shell Brunei sejak tahun 1972 kini menjalankan tugas-tugas penyatuan bagi pelantar-pelantar gas dan ianya dikendalikan oleh seramai kira-kira 133 orang pekerja, baik yang mewakili pihak syarikat ataupun pemborong — dan pencapaian tersebut adalah hasil daripada semua yang terlibat di atasnya.

Maklumat mengenai keselamatan selalunya disampaikan kepada para kakitangan di dalam mesyuarat mingguan di darat dan selain dari itu mereka juga terlibat di dalam latihan-latihan memadam kebakaran dan lain-lain lagi.



PETREL menjalankan tugasnya bagi kali ketiga di perairan luar pantai.

PETREL buat operasi di air dalam

PETREL, sebuah kapal penggalian yang serba lengkap yang tiba di perairan Brunei awal bulan lepas kini mengendalikannya penggalan penyelidikan di kawasan Ketiga Pajakan Luarpantai.

Kerja-kerja penggalian yang bermula pada 6 April itu adalah terletak di sebuah tapak diberi nama Z2-1X kira-kira 50 batu ke utara barat laut Setia di kedalaman air kira-kira 1,100 kaki.

Perkhidmatan perkhidmatan Petrel telah diperlukan kerana kapal-kapal penggalian bergerak Shell Brunei, Sedco Echo dan H.H. Ward tidak dapat digunakan sebab kedalaman air tadi. Kapal yang

berkedudukan begitu dinamik itu berupaya beroperasi di kedalaman-kedalaman air hingga 3000 kaki. Di penghujung bulan April, rig tersebut telah menggali pada kedalaman 5824 kaki.

Telaga pertama yang digali di kawasan air dalam adalah Z1-1X dalam tahun 1972.

Di kawasan pertama pajakan luarpantai telaga penyelidikan Merak North — 1X digali pada 4 April dihentikan 29 April pada kedalaman 5829 kaki, tidak terdapat hidrokarban yang boleh diperolehi secara perkalat, dan rig Sedco kini telah berpindah ke tapak telaga penyelidikan yang lain Iron Duke-GX juga di kawasan pertama luarpantai.

Penuntut Singapura lawat BSP

SHELL Brunei akan menjadi tetamu kepada penuntut-penuntut Singapura yang memenangi peraduan bahas dan kuiz tenaga baru-baru ini. Lawatan 6 hari itu akan bermula pada hari Ahad 10 Jun 1984.

Penuntut-penuntut tersebut akan ditemani oleh empat orang pegawai, tiga daripada Persatuan Pendidikan Sains Singapura dan seorang ahli daripada Jabatan Hal Ehwal Awam Syarikat Shell di Singapura.

Projek kuiz tenaga tersebut dianjurkan oleh Persatuan Sains tersebut dan ditaja oleh syarikat yang berkenaan. Semasa di Brunei mereka akan melawat tempat-tempat yang menarik dan kesempatan akan juga diberikan bagi mereka mengunjungi

pemasangan-pemasangan Shell Brunei baik di darat mahupun di luar pantai.

Sementara itu satu delegasi yang terdiri dari 12 orang, 5 penuntut dan 5 pegawai-pegawai pelajaran negara ini akan berlepas ke republik itu pada 25 Mei untuk menyertai perhimpunan sains bagi pelajar-pelajar Singapura.

Pelajar-pelajar tersebut akan menyertai perhimpunan dengan teman-teman mereka daripada negara-negara Asean yang lain.

Rombongan tersebut akan diketuai oleh Awang Mustafa Abu Bakar, Penolong Pengarah Pelajaran (Teknikal). Shell Brunei akan diwakili oleh Mohd Shariff Haji Naweh dan Naimah Haji Basir, kedua-duanya dari Jabatan Hal Ehwal Awam.



Pg. Metasan....Timbalan Setiausaha Agung Pestabar.



REGU utama negara yang beraksi hebat dalam Sukan SEA lepas. Kelihatan Said Bakar membuat 'lipat maut' ketika menentang regu utama Malaysia.

SUKAN PELITA

Kelolaan: Manaf Rahman

Kegagalan meraih kemenangan: PRESTASI PERLU DITINGKATKAN

KEGAGALAN pasukan takraw negara di kejohanan Piala Raja Thai di Bangkok baru-baru ini bukanlah sesuatu yang dipandang remeh dan ringan. Prestasi pasukan

takraw negara itu patut ditilik, tinjau, kupas bagi mencari sebabnya.

Peningkatan prestasi takraw negara di beberapa kejohanan antarabangsa semakin meningkat tidak lama dulu dan sejak takraw negara mula berkecimpung, negara-negara lain mula memberikan perhatian ke atas peningkatan sukan ini.

Meskipun sebelum skuad takraw negara berlepas ke kejohanan tersebut adalah sudah dimaklumi tidak akan merentas jauh tapi yang mengecewakan ialah prestasi kita yang menurun.

Kita sudah maklum akan ketinggian ilmu yang dimiliki oleh dua gergasi takraw, Thailand dan Malaysia serta keunggulan Singapura, tapi bukankah kita sudah pernah melakukannya dengan memberi 'makanan pedas' kepada Malaysia di Sukan SEA lepas?

Walaupun kita tewas di

kejohanan tersebut tapi kesannya amat mendalam di mata negara luar, betapa pasukan negara yang berumur setahun jagung di sukan ini menyengat macam tebusan, mematak macam ular.

Hakikat ini diakui oleh Pengurus Pasukan Negara merangkap Timbalan Setiausaha Pestabar, Pg Metasan bin Pg Abu Bakar.

"Sememangnya kita tidak mencapai prestasi yang membanggakan di kejohanan tersebut. Kehilangan dua pemain harapan, Rahim Omar dan Salleh Kahar adalah punca utama di samping kesuntukan masa latihan dan pemilihan."

Rahim Omar, tekong regu utama negara sejak beberapa tahun dulu mengalami kecederaan. Beliau bersama dengan Said Bakar, seorang lagi pemain yang paling menonjol setakat ini serta Laji Haji Ibrahim telah dapat menggegar regu utama Malaysia di ke-

johanan Sukan SEA lepas.

Ketiadaan pemukul (apit) berbakat, Salleh Kahar (masalah peribadi) juga menjejaskan sedikit skuad negara. Ini ditambah lagi dengan kesuntukan masa serta pemilihan yang tidak begitu meluas.

Menurut Pg. Metasan lagi, bola hantaran dari tekong dan dimatikan oleh apit depan tidak begitu berkesan, kebanyakannya mati di jaring.

Posisi tekong juga lemah terutamanya dalam kecepatan bertindak balas bola hantaran lawan atau mengawalinya untuk dipukul oleh apit depan.

"Soal kesuntukan masa latihan mungkin merupakan faktor kecil saja. Dalam masa berlawan yang penting ialah persefahaman dan daya ketahanan.

Dalam hubungan ini, saya sudah beberapa kali mengingatkan kepada semua para pemain sepak takraw terutamanya skuad negara supaya tidak akan menumpukan kepada latihan khusus saja bila dipanggil. Mereka seharusnya menjalani latihan sendiri walaupun tidak ada pertandingan demi untuk memperbaiki kelemahan masing-masing," ujar beliau.

Corak latihan di masa akan datang juga akan ditingkatkan menurut kehendak permainan sepak takraw masa ini. Latihan dari semasa ke semasa akan meliputi dari daya ketahanan sehinggalah kepada latihan sepakan, kawalan, daya kecepatan berfikir dan sebagainya.

"Ini perlu kerana takraw pada masa ini lebih mencabar dan kita juga memerlukan secepatnya tenaga jurulatih yang berkebolehan dan berani."

Berkebolehan dalam mencari kelemahan pemain dan berani menegur dan menunjukkan yang sepatutnya.

Skuad negara tidak akan terus-terusan membuat latihan yang sama sedangkan permainan sepak takraw semakin agresif dan memerlukan tenaga daya ketahanan, cepat bertindak serta 'team work' yang baik dalam bermain.

"Insya-Allah semua ini akan sedikit sebanyak dapat di atasi. Pihak Pestabar pada masa ini sedang berurus untuk mendapatkan seorang tenaga jurulatih dari luar dan kemungkinan juga akan mengkaji dengan terperinci segala perkembangan permainan sepak takraw di negara ini," tegasnya.

Saya juga bagi pihak Pestabar mengucapkan setinggi terima kasih kepada kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang telah menghulurkan bantuan kewangan dan segala kemudahan Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan selama ini dan kepada skuad negara Piala Raja Thai ini," katanya.

Pesta Sukan Air dapat sambutan hangat

DALAM Pesta Sukan Air anjuran Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan baru lalu yang telah banyak menarik peminat sukan air dari segi penyer-taan atau tontonan boleh dibanggakan meskipun perlu ditingkatkan lagi.

Kegiatan jabatan tersebut telah dapat membuka mata kepada minat ke sukan ini. Pendedahan yang dibuat telah menarik ramai peserta dan dengan sendirinya pemupuk minat ke atas sukan lumba perahu, meluncur angin dan lumba kolek semakin bertambah.

Sememangnya tuju-an utama jabatan tersebut mengadakan

sukan tersebut untuk meninjau sejauh mana sudah tahap sukan ini dicapai.

Dari kesemua acara yang dipertandingkan acara meluncur angin lebih terserlah peningkatannya. Walaupun baru berusia hampir enam bulan tapi ianya telah dapat menarik peserta seolah-olah cendawan tumbuh merata.

Pada awal usianya bulan September lepas sukan ini merupakan hanya untuk mengisi masa lapang dengan peluncur yang dapat dihitung 'sebelah mata'.

Kini ianya meningkat dengan mengumpulkan lebih 200 peluncur yang kebanyakannya adalah para peluncur baru.

Kebijaksanaan Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan dalam memasukkan acara meluncur angin dalam pesta sukan air tahun ini merupakan satu inisiatif yang positif ke arah menambahkan lagi jenis sukan yang sedia ada.

Sememangnya seperti yang diharapkan dari kejohanan serupa ini bukan setakat hiburan atau kegiatan biasa malahan lebih berpihak untuk

meninjau dan memupuk minat para peserta ke arah pertandingan yang lebih besar.

Perlumbaan sampan kolek, meluncur angin dan lumba perahu kemungkinan akan menjadi salah satu acara negara ke kejohanan antarabangsa pada masa akan datang.

Seperti yang diharapkan oleh semua pihak kegiatan serupa ini akan dapat diperkembangkan kepada lebih (competitive) dengan penyertaan dari negara-negara luar.



WINDSURFING atau meluncur angin, sukan yang sekarang banyak menarik minat dan melahirkan peluncur-peluncur tempatan.



KAYUH berabis.....Kekuatan dan ketahanan diperlukan oleh semua pekayuh. Ini adalah perlumbaan 15 orang antara jabatan kerajaan yang dimenangi oleh Jabatan Kerja Raya.

Bola sepak Polis tiga wilayah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlawanan bola sepak antara pasukan Polis tiga wilayah Borneo bermula petang semalam di Kuching, Sarawak.

Perlawanan tahunan antara pasukan Polis Sarawak, Sabah dan Negara Brunei itu diadakan bagi merebut Piala Sultan Hassanul Bolkiah.

Perlawanan pertama tahun lalu telah diadakan di Bandar Seri Begawan.

RTB

Intisari minggu ini

Radio minggu ini:

RADIO DAN PENGUCAPANNYA

PERNAHKAH awda terfikir bahawa setiap perutusan yang kita ucapkan itu adalah menarik perhatian masyarakat pendengar, sama ada ungkapan yang kita ucapkan itu penuh erti atau sebaliknya. Namun pada perhatian pendengar ianya tidak tersisih untuk tetapan dan difikirkan. Kerana itu setiap apa juga yang hendak kita hebahkan, yang hendak kita sampaikan, maka seharusnya setiap patah-patah pengucapan itu ditimbang-timbangkan sebelum ianya dikeudarkan. Walhal kita maklum istilah bahasa mengatakan satu patah perkataan itu boleh membawa berbagai-bagai pengertian.

Dalam arus perubahan kalimat demi kalimat bahasa ini, kita selaku team masyarakat amat perlu membuat sukat-sukat yang benar-benar seimbang dan menarik perhatian pendengar dalam penggunaan bahasa.

Bukan sahaja elok pada madahnya, tetapi juga biarlah elok dan padat dengan isi pengucapannya. Jangan sampai nanti kita dikatakan, orang radio ini bahasa sahaja indah tetapi isi bombastik.

Sebelum tiba waktu itu, biarlah kita ada benteng pertahanan pada memantuni lagi isi pengucapan yang hendak kita ungkapkan. Kita tidak mahu diibaratkan, bila mendengar guru di langit air di tempayan terus dicurahkan. Atau baru sahaja ada idea lantas kita lahirkan tanpa pemikiran dan pertimbangan yang wajar, kerana itu acap kali pengucapan yang tersedia itu akan terbantut di tengah jalan.

Apa yang penting, biarlah apa yang telah diucapkan itu benar-benar dilaksanakan dan dipraktikkan. Hanya dengan jalan ini besar kemungkinan setiap apa juga perancangan itu akan mendapat kejayaan dengan penuh

kesempurnaan yang diharapkan.

Jadi buat tetapan dan untuk perbandingan kita bersama, ingatlah kalau hanya ucapan kita berapi-api, tidak disulami dengan perlaksanaannya jangan harap kemuncak kemajuan itu akan cepat tercapai.

Pendeknya, semua orang ada semangat, selagi ianya berkeupayaan dan berkemampuan untuk melaksanakan sesuatu tindakan yang difikirkan perlu. Cuma semangat yang ada itu pasti ada batasannya. Batasan inilah yang menjadi benteng perantaraan antara perlaksanaan sesuatu pembangunan yang mahu dikerjakan oleh setiap orang ataupun perkumpulan.

Jadi kalau kita hanya pandai bercakap, semua orang boleh bercakap. Akan tetapi tidak semua orang boleh memikirkan setiap apa juga perancangan yang ma-

hu dibuat. Cuma tinggal lagi proses atau daya perancangan itu, kalau bukan dicatatkan oleh para perancangan yang sebenar-benarnya, maka catatan yang sudah diterima itu, hanya tinggal catatan sahaja dan lambat laun syor atau catatan yang sudah diterima itu akan tinggal diibaratkan warna menggugat zaman.

Jadi kita perlu mencari di manakah letaknya peranan yang mahu dimainkan yang kita sebagai warisan penyiar ini untuk sama-sama meningkatkan iramanya bagi meningkatkan lagi mutu perancangan masa kini. Inilah yang perlu dibuat garis pertimbangan mengikut masa dan waktunya.

Pengucapan melalui media radio mempunyai peranan yang tersendiri dalam media massa kini sebagai alat penyalar dan penghubung yang amat berkesan.



AWDA peminat rancangan Tetamu Radio akan dapat mengikuti temubual pencerbit Salmah Haji Abdul Rahman bersama dengan Sandara Pangkat Harahap selaku ketua rombongan persembahan artis-artis Indonesia sewaktu mengadakan persembahan sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam. Siarannya akan dapat diikuti pada hari Ahad jam 5.00 petang.

Resipi minggu ini

GEMALA HATI

Bahan-bahannya

- 10 biji telur
- 1 gelas penuh cocoa rice
- 16 oz mentega
- 1 tin susu manis
- 1 gelas gula halus
- 1 gelas tepung roti
- crackers
- 1 gelas tepung gandum
- 1 gelas horlicks
- 1 kati roti sultana

dipatah-patah

- 1 sudu vanilla
- sedikit warna kuning.

Cara membuatnya

Mentega dan gula dipukul sampai kembang, masukkan telur satu-satu sehingga habis, kemudian masukkan tepung gandum dalam aduan tadi, gaul rata-rata kemudian dibakar.



MENERUSI Rancangan Dari Pendengar Untuk Pendengar minggu ini awda akan bersama dengan Awang Idris bin Awg Abas di alamat No. D5 Kampong Madang, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam (gambar atas).

Awang Idris akan bersama awda semua pada hari Selasa 29 Mei jam 4.00 petang.



Aminah Omar

Puspa Haji Mohammad

DI KELUARAN ke-21 minggu ini awda akan berpeluang menikmati lagu-lagu dendangan AMINAH OMAR dan PUSPA HAJI MOHAMMAD (gambar atas). Antara lagu persembahan mereka ialah Cara Sendiri, Siapa Dia dan Sisa-Sisa Cinta. Ikutilah siarannya hari Jumaat 25 Mei jam 5.00 petang dan ulangnya ke udara hari Ahad jam 11.00 pagi.

Pertandingan Bintang Remaja 1984

RADIO Televisyen Brunei sedang menganjurkan PERTANDINGAN BINTANG REMAJA bagi tahun yang keduanya yang terbuka kepada ramai yang berumur antara 12 hingga 18 tahun.

Pemilihan awal bagi tiap-tiap daerah bagi memilih peserta-peserta yang terbaik untuk masuk ke peringkat negara telah pun selesai dilangsungkan baru-baru ini. Mereka yang bernasib baik dan berjaya memasuki peringkat separuh akhir negara adalah seperti

yang berikut :

Zapri Mohd Salleh (Brunei-Muara)
Rosmawani Mohd Salleh (Temburong)
Norashikin Ramlee (Belait)
Haji Erwan Haji Mohd Said (Tutong)
Hazidah Haji Abdul Wahab (Brunei-Muara)
Hjh Farizah Haji Bolhassan (Tutong)
Ismail Haji Tengah (Belait)
Dk Masnita Pg Petra (Brunei-Muara)



Zapri Mohd Salleh



Rosmawani Mohd Salleh



Norashikin Ramlee



Haji Erwan Haji Mohd Said



Hazidah Haji Abd Wahab



Hjh Farizah Haji Bolhassan



Ismail Haji Tengah



Dk Masnita Pg Petra

RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

HARI RABU 23 MEI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 FRAGGLE ROCK
- 4.55 INSPECTOR GADGET
- 5.20 MR. SMITH
- 5.45 WILD KINGDOM: "Bayou Back"
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 WILD KINGDOM — sambungan
- 6.15 TEKA TEPAT
- 6.33 AZAN MAGHRIB
- 6.43 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 HOTEL: "Flashback" Peter menghadapi kekecehan emosi apabila melihat ketibaan bekas isterinya. Sementara Christine dan Mark menjadi "cupid" kepada seorang penghuni hotel yang dalam kesugulan.
- 7.45 AZAN ISYAK
- 7.52 HOTEL — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 LIPUTAN NASIONAL
- 9.05 KEEP IT IN THE FAMILY: "Job Reference"
- 9.35 GAVILAN: Gavilan mempunyai pengalaman dan ilmu pengembaraan dalam laut yang luas. Dengan itu C.I.A. menggunakan Gavilan untuk kepentingan organisasi mereka.
- 10.25 TAYANGAN GAMBAR: "Adam At 6.00 A.M." Seorang profesor muda di California mendapati hidupnya bosan dan berhijrah ke kampungnya di Midwest. Di sepanjang musim Summer dia bekerja sebagai buruh kasar.
- 11.55 SIARAN TAMAT.

HARI KHAMIS 24 MEI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SESAME STREET
- 5.30 DONKEY KONG
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 MY NAME IS . . . Som Chai, And I Live In Bangkok
- 6.33 AZAN MAGHRIB
- 6.43 FAST FORWARD.

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 MANIMAL: Seorang profesor yang pakar dalam jenayah mempunyai kuasa menukar dirinya menjadi beberapa jenis binatang yang membolehkannya membantu polis New York menyelesaikan beberapa kes jenayah. Dia dibantu oleh seorang wanita NYPD yang cerdik dan cantik.
- 7.45 AZAN ISYAK
- 7.52 MANIMAL — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 HIDAYAT
- 9.05 DUNIA MINGGU INI
- 9.35 HAWAII FIVE O: "Meighan Conspiracy"
- 10.25 PAUL HOGAN SHOW
- 10.55 POT BLACK 1982: "Thorburn Iwn Higgins"
- 11.20 SIARAN TAMAT.

HARI JUMAAT 25 MEI

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN
- 12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 12.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.15 SIARAN LANGSUNG SEMBAH-YANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN.



JANE Fonda (sebagai Gertie Nevels) dan kedua anak perempuannya dalam satu mini siri baru THE DOLLMAKER yang akan bermula pada hari Isnin depan. Siri tersebut akan disiarkan kira-kira jam 10.45 malam.

PETANG

- 1.25 ROAD TO L.A.: "Track, Equestrian"
- 2.25 CHILDREN FEATURES: "Black Island"
- 3.20 ROAD RUNNER SHOW
- 3.41 AZAN ASAR
- 3.47 ME AND MAXX
- 4.15 MILLER'S COURT: "Work To Death"
- 4.35 YOU ASKED FOR IT
- 5.00 OMNI, THE NEW FRONTIER
- 5.15 MIAMI MIATU
- 5.30 MORK AND MINDY ANIMATION
- 5.50 BENJI (Episod terakhir)
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 BENJI — sambungan
- 6.20 TEKA TEPAT
- 6.33 AZAN MAGHRIB
- 6.43 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 THE GREATEST AMERICAN HERO: "Heaven Is In Your Genes"
- 7.45 AZAN ISYAK
- 7.52 THE GREATEST AMERICAN HERO — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 DARI MIMBAR MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN, BANDAR SERI BEGAWAN
- 8.45 LIPUTAN NASIONAL
- 9.15 DALLAS: "Eye Of The Beholder" Miss Ellie memutuskan pertunangannya dengan Clayton.
- 10.05 WRPK IN CINCINNATI: "Dr. Fever And Mr. Tide" Bhg. 2
- 10.35 MAGNUM: "Paradise Blues" Seorang kawan lama wanita Magnum dan T.C. minta bantuan mereka kerana ancaman sekumpulan pengedar dadah Detroit.
- 11.25 GLEN CAMPBELL
- 11.55 SIARAN TAMAT.

HARI SABTU 26 MEI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SESAME STREET
- 5.30 SMOOBY DOO AND SCRAPPY DOO
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 TOWARDS 2000
- 6.25 JENNIFER SLEPT HERE: "The Tutor Who Came To Dinner"
- 6.34 AZAN MAGHRIB
- 6.44 JENNIFER SLEPT HERE — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 T. J. HOOKER: "The Mumbler" Tugas Hooker untuk menangkap perompak-perompak kereta-kereta kebal

- (armoured cars) bertambah rumit kerana dia merasa terpaksa membantu adik kepada yang tertuduh.
- 7.46 AZAN ISYAK
- 7.53 T. J. HOOKER — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 LIPUTAN NASIONAL
- 9.05 MARI MEMASAK: "Gemala Hati" Resipinya ada disiarkan di muka lain akhbar ini.
- 9.35 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA: "Badai Di Awal Bahagia"
- 11.05 TAYANGAN GAMBAR AKHIR: "His Majesty O'Keefe" Seorang pengembara dari Barat mendapati dirinya terlibat dalam kehidupan yang mencabar dengan penduduk-penduduk di sebelah Timur. Pelakon-pelakon: Burt Lancaster, Joan Rice, Andre Morell, dan lain-lain.
- 12.35 SIARAN TAMAT.

HARI AHAD 27 MEI

PETANG

- 2.00 PEMBUKAAN
- 2.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 2.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 2.15 GEORGE OF THE JUNGLE
- 2.45 LADIES MAN
- 3.15 BIG LEAGUE SOCCER
- 3.42 AZAN ASAR
- 3.47 BIG LEAGUE SOCCER — sambungan
- 4.10 LOVE BOAT
- 4.40 THOR
- 5.10 MAT YO YO
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 THE MONCHHICHIS
- 6.25 BENSON: "Pen Pal" Benson menghadapi kekecehan di rumah rasmi gabenor ketika didatangi oleh seorang sahabat pena Kraus yang berbadan besar dan tegap dan baru lepas dari penjara!
- 6.34 AZAN MAGHRIB
- 6.44 BENSON — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 MATT HOUSTON: "The Monster" G. J. dan Matt Houston membantu seorang peguam masyhur F. Lee Bailey untuk membuktikan seorang yang mengaku dirinya pembunuh empat orang belasan tahun adalah egomaniak dan pembohong.
- 7.46 AZAN ISYAK
- 7.53 MATT HOUSTON — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 DARI DEWAN RAYA
- 9.20 THE TWO RONNIES
- 9.50 THE PARAS: "Ready For Anything"
- 10.20 WORLD WAR III Bhg. IV (Episod Terakhir)
- 11.10 SIARAN TAMAT.

HARI ISNIN 28 MEI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SUPERFRIENDS: "The Tiny World Of Terror"
- 5.30 THE POSEIDON FILES: "Mysteries Of The Polar Sea" Bhg. I Walau penyelam yang kuat sekalipun mendapati susah menyelam di laut Arctic dan Antarctic yang mempunyai arus air yang deras di dunia. Dalam suhu yang hampir 85 degree di bawah zero penyelam boleh menemui maut dalam masa satu minit jika terjadi sesuatu kesilapan.
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 THE POSEIDON FILES — sambungan
- 6.20 TEKA TEPAT
- 6.34 AZAN MAGHRIB
- 6.44 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 FALCON CREST: "Coup D'Etat" Di hari melawat, Phillip mendengar rayuan Julia untuk minta dilepaskan. Phillip memberi pengakuan untuk menolongnya tetapi Julia menjadi hysterikal.
- 7.46 AZAN ISYAK
- 7.53 FALCON CREST — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 LIPUTAN NASIONAL
- 9.05 BINTANG REMAJA 1984 Separuh Akhir No. 1
- 9.55 DOKUMENTARI: DOGULAS MAWSON — The Survivor
- 10.45 THE DOLLMAKER Bhg. I. Satu siri cerita dramatik mengenai perjuangan seorang wanita untuk melindungi keluarganya dari pemerasan dan kezaliman.
- 11.35 SIARAN TAMAT.

HARI SELASA 29 MEI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 CANTINFLAS
- 5.00 NATURE OF THINGS: Diabetes: "The Needle"
- 5.25 BUGS BUNNY SHOW
- 5.50 WHIZ KIDS
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 WHIZ KIDS — sambungan
- 6.34 AZAN MAGHRIB
- 6.44 WHIZ KIDS — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 SCARECROW AND MRS. KING: "I am Not Now, Nor Have I Ever Been A Spy"
- 7.46 AZAN ISYAK
- 7.53 SCARECROW AND MRS KING — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 ARENA SUKAN
- 9.35 DYNASTY: "The Voice" Bhg. I
- 10.25 TAYANGAN GAMBAR: "A Small Killing" Seorang polis dan seorang profesor wanita masing-masing menyamar diri untuk menangkap orang upahan kepada seorang ketua pengedar dadah akhirnya jatuh cinta di antara keduanya. Pelakon-pelakon: Steven Hilliard Stern, Edwadr Asner, Jean Simmons, Sylvia Sydney, dll.
- 11.55 PAUL ANKA — Merelle Matthieu.
- 12.25 SIARAN TAMAT.

Rancangan Rancangan RADIO

WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

SIARAN F.M. STEREO

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

HARI RABU 23 MEI

PAGI: 9.00 — Taman Mekar (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.15 — Tinjauan.

TENGAH HARI: 1.30 — Hiburan Paduan Suara.

PETANG: 2.00 — Dunia Wanita (SU), 2.30 — Penyanyi Minggu Ini, 3.15 — Lagu-lagu Tanpa Nyanyian, 3.30 — Bahas Sekolah-Sekolah (SU), 4.00 — Lagu-lagu Rampaian (SU), 4.30 — Bangsawan Di Udara (Malik Saifulizan siri ke-11), 5.00 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja, 6.00 — Menuju Keredaan Allah.

MALAM: 7.00 — Titian Budaya (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Permintaan Sukaramai, 8.45 — Diang Dangan, 9.30 — Hiburan Malam.

HARI KHAMIS 24 MEI

PAGI: 9.00 — Pertanian (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Penglipur Lara, 10.30 — Permintaan Sukaramai.

TENGAH HARI: 1.30 — Senandung Lagu-Lagu Lama/Sumbangsiah Dari Daerah Belait.

PETANG: 2.00 — Tetamu Radio, 2.30 — Fokus/Irama Pilihan, 3.15 — Hiburan Petang, 3.30 — Majalah Ugama 4.00 — Irama Gambus/Asli/Ghazal/Zapin, 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja, 6.00 — Menuju Keredaan Allah.

MALAM: 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 8.15 — Selingan Irama, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Lagu-Lagu Asli, 9.30 — Tafsir Al-Quran.

HARI JUMAAT 25 MEI

PAGI: 9.30 — Nada Pedoman, 10.15 — Soalan Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran (SU), 11.00 — Mutiara Asli (SU), 11.30 — Bimbingan Al-Quran, 12.00 — Pedoman Hidup, 12.15 — Bacaan Al-Quran, 12.30 — Siaran Langsung Menujukan Sembahyang Fardu Jumaat.

TENGAH HARI: 1.15 — Selingan Irama, 1.45 — Lagu-Lagu Sentimental.

PETANG: 2.00 — Lukisan Masyarakat, 2.30 — Hiburan Petang, 3.15 — Diang Dangan (SU), 3.30 — Pelajaran Dewasa Di Udara, 4.00 — Permintaan Jiran Tetangga, 4.30 — Dunia Wanita, 5.00 — Dendang Remaja, 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat.

MALAM: 7.00 — Cerpen Dan Salukan, 8.15 — Selingan Irama, 8.30 — Majalah Ugama (SU), 9.00 — Alam Remaja (SU), 9.30 — Hiburan Malam.

HARI SABTU 26 MEI

PAGI: 9.00 — Pelajaran Dewasa Di Udara (SU), 9.30 — Hiburan Riang Ria, 9.45 — Soalan Di Udara (SU), 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampaisari.

TENGAH HARI: 1.30 — Lagu-lagu dari filem.

TIAP-TIAP HARI:

PAGI

6.00-6.02 Allah Peliharakan Sultan
6.05 Siaran Wahyu
6.15 Pedoman Hidup
6.30 Membacakan Susunan Rancangan
6.33 Dendang Suria
7.00 Dendang Suria
7.10 Panduan Sukan

TENGAH HARI

11.30-12.45 Untuk Awda
1.00 Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Jumaat dan Ahad)

PETANG

4.30 Rampai Petang
6.00 Menuju Keredaan Allah
Siaran langsung menuaikan sembahyang Fardu Maghrib dari Masjid Omar Ali Saifuddin.

MALAM

7.30 Majalah Radio
10.15 Bacaan Al-Quran
10.24 Doa Restu
10.29 Allah Peliharakan Sultan.

WARTA BERITA:

6.45 pagi (Berita-berita dalam dan luar negeri)
8.00 pagi
10.00 pagi
12.45 tengah hari
1.30 tengah hari (tiap-tiap hari Jumaat)

3.00 petang
5.30 petang
8.00 malam

MENYIARKAN AZAN:

Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

PETANG: 2.00 — Bintang Remaja, 3.15 — Hiburan Petang, 3.30 — Cerpen Dan Salukan (SU), 4.00 — Mutiara Asli (SU), 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Kuliah Ugama.
MALAM: 7.00 — Tinjauan (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Syair Perlembagaan, 8.30 — Bangsawan Di Udara (SU), 9.00 — Permintaan Malam Minggu.

HARI AHAD 27 MEI

PAGI: 9.30 — Taman Mekar, 10.15 — Hiburan, 10.30 — Sandiwara Radio, 11.00 — Dendang Remaja (SU), 11.30 — Berbalas Pantun.

TENGAH HARI: 12.00 — Tahniat dan Ucapan Selamat, 1.00 — Permintaan Dua Stesen.

PETANG: 2.00 — Serbanika Hiburan, 2.30 — Fokus (SU), 3.15 — Majalah Sukan, 3.45 — Titian Budaya, 4.00 — Senandung

Lagu-Lagu Lama/Sumbangsiah Dari Daerah Belait (SU), 4.30 — Bujang Si Gandam, 5.00 — Tetamu Radio, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Seni dan Sastra, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Suara Perajurit, 9.00 — Senandung Malam, 9.30 — Pilihan Pendengar.

HARI ISNIN 28 MEI

PAGI: 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Berdendang Denganku, 10.30 — Pertanian, 11.00 — Ira Kencana.

T/HARI: 1.30 — Permintaan Hari Isnin, PETANG: 2.30 — Lukisan Masyarakat (SU), 3.15 — Syair Perlembagaan, 3.30 — Alam Remaja, 4.00 — Rampai Petang, 4.15 — Ruangan Katani, 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Majalah Sukan (SU), 8.15 — Selingan Irama (SU), 8.30 — Kuliah

Ugama (SU), 8.45 — Lagu-lagu Keroncong, 9.00 — Serbanika Hiburan, 9.30 — Kutujukan Lagu.

HARI SELASA 29 MEI

PAGI: 9.00 — Suara Perajurit (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Lagu-Lagu Berirama Dangdut, 10.30 — Permintaan Kaum Wanita.

T/HARI: 1.30 — Kusampaikan Salam.

PETANG: 2.30 — Varia Peristiwa, 2.45 — Gema Silam, 3.15 — Seni dan Sastra (SU), 3.30 — Ira Kencana (SU), 4.00 — Dari Pendengar Untuk Pendengar, 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Ruangan Katani (SU), 8.15 — Selingan Irama, 8.30 — Sandiwara Radio (SU), 9.00 — Bahas Sekolah-sekolah, 9.30 — Permintaan Sukaramai.

RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

EVENING

Wednesday

P.M.

8.00 Talking About Music
8.30 Hello Tomorrow
9.00 Popular Classic — 16/21
9.30 Classic Half Hour — 16/21.

Thursday

P.M.

8.00 International Money Programme
8.15 World Theatre: The Importance of Being Earnest by Oscar Wilde (side 3 & 4 of 6)
9.30 Jazz at The Questors: The Ronnie Scott Quintet (Prog. 2 side 2).

Fridays/Holidays

A.M.

11.00 A Religious Talk: The Confession of Faith.
11.15 Light Music From The Netherlands — 581/604.
11.30 Children's half hour.

NOON

12.00 Stringsound — 50/59.
12.45 My Music — 302/436.

P.M.

1.15 Book Club: Treasurer Island by Roberts Louis Stevenson 6/13.
1.30 Break For Music with Malay Traditional Songs — 22/26.
1.45 Just For Variety by continuity announcer.
2.30 Thirty-Minute Theatre: Revenge by Andrew Sachs.
3.00 Soundtrack of the Sixties: (K841 — 8 side 2A & 3A).

4.00 Chinese Programmes.

8.00 The World of Books.

8.30 A Religious Talk: The Confession of Faith (repeat).

8.45 Brunei Traditional Music (repeat).

9.00 Perspective

9.30 A Date with ... (repeat).

Saturday

P.M.

2.00 Just For Variety
3.00 Gurkhali Programmes.
8.00 Melody Time.
8.30 Animal, Vegetable and mineral — 20/30.
9.00 Strictly Instrumental.
9.30 Top of The Pops — 1018.

Sunday

A.M.

11.44 Our Views — with Chairlady Mordiah Haji Jackia.
11.30 Practical World.
11.45 London This Week.

NOON

12.00 A Date with
12.45 Review of the Week by Ideris Ali.
1.00 Top of The Pop — 1018 (repeat).
